

DPN akan dikaji secara menyeluruh

27 AUG 2000

Daripada MOKHTAR ALIAS

JAKARTA: Dasar Pendidikan Negara (DPN) akan dikaji secara menyeluruh bagi mencapai tahap pendidikan bertaraf dunia serta melahirkan generasi yang mampu menguasai ilmu ekonomi dan teknologi maklumat semasa.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata kajian itu juga boleh membantu menyelamatkan negara daripada malapetaka pada masa depan seperti krisis ekonomi yang melanda negara pada 1997 lalu.

“Memandangkan negara tidak boleh bergantung selama-lamanya kepada sumber ekonomi daripada minyak kelapa sawit, getah, minyak mentah dan sebagainya, maka suatu alternatif perlu dicari,” katanya dalam majlis ramah mesra dengan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) Malaysia di Indonesia, di sini, malam kelmarin.

Beliau berkata, pendidikan dan falsafah DPN yang dibentuk pada awal 80-an tidak diubah bentuknya dalam melahirkan tenaga mahir manusia, pelajar terdidik, ilmu pengetahuan, kemahiran dan ketrampilan.

“Tetapi, bentuk sistem pendidikan secara padu antara rohani dan jasmani perlu diubah strategi sesuai dengan suasana ekonomi semasa,” katanya.